

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN PEMBAYARAN BAYARAN INSENTIF POS BASIK
KEPADA ANGGOTA PARAMEDIK UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UniSZA)**

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan pembayaran Bayaran Insentif Pos Basik (BIPB) kepada anggota paramedik UniSZA selaras dengan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2017 berkaitan Bayaran Insentif Pos Basik Kepada Anggota Paramedik Kementerian Kesihatan Malaysia yang Memiliki Sijil Pos Basik dan Diploma Lanjutan.

TAFSIRAN

2. “**Penyelia**” bermaksud pegawai atasan terdekat bagi seseorang anggota yang mempunyai hubungan kerja secara langsung serta mengawasi kerja dan menilai prestasinya misalnya Ketua Jururawat, Ketua Penolong Pegawai Perubatan, Jurupulih Perubatan Kanan, Juruteknologi Makmal Perubatan Kanan dan sebagainya.
3. “**Ketua Jabatan**” bermaksud pegawai yang mengetuai sesebuah Pusat Tanggungjawab (PTj), misalnya Dekan bagi fakulti, Pengarah bagi PTj-PTj lain dan sebagainya.
4. “**Anggota Paramedik**” bermaksud pegawai kumpulan bukan akademik yang terlibat dalam pekerjaan professional perubatan dan lazimnya menjalankan perkhidmatan perubatan kecemasan, misalnya Jururawat, Jurupulih Perubatan Fisioterapi, Juru X-Ray, Penolong Pegawai Perubatan dan sebagainya.

PELAKSANAAN

5. Syarat-Syarat Pembayaran Bayaran Insentif Pos Basik

- 5.1 Kadar bayaran BIPB sebanyak RM100.00 sebulan dibayar kepada anggota paramedik tanpa mengikut gred.
- 5.2 BIPB layak dibayar kepada semua anggota paramedik UniSZA tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
 - 5.1.1 Anggota paramedik memiliki **sijil pos basik atau diploma lanjutan** dalam bidang-bidang yang telah diluluskan pembayaran BIPB oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Senarai terkini bidang-bidang pos basik dan diploma lanjutan yang telah diluluskan pembayaran BIPB adalah di **Lampiran A**;
 - 5.1.2 Anggota paramedik mestilah melaksanakan tugas yang memerlukan mereka menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pos basik atau diploma lanjutan yang dimiliki pada tahap yang ditetapkan. Tugas-tugas tersebut seperti berikut:
 - i. Tugas-tugas dalam perkhidmatan atau bidang yang berkaitan dengan sijil yang dimiliki;
 - ii. Tugas-tugas penyeliaan dan pemantauan ke atas perkhidmatan yang berkaitan dengan sijil yang dimiliki;
 - iii. Tugas-tugas pengajaran misalnya yang dilaksanakan oleh *Clinical Instructor* dalam bidang yang berkaitan dengan sijil yang dimiliki; dan
 - iv. Tugas-tugas penyediaan program atau penggubalan dasar yang berkaitan dengan sijil yang dimiliki.
 - 5.1.3 Hanya satu sahaja BIPB yang boleh diterima oleh anggota paramedik walaupun mempunyai lebih daripada satu sijil pos basik atau diploma lanjutan;

5.1.4 Anggota paramedik yang bertugas merawat pesakit jiwa, tibi dan kusta serta memiliki sijil pos basik atau diploma lanjutan hanya layak menerima satu bayaran insentif sahaja iaitu Bayaran Insentif Merawat Pesakit Jiwa, Tibi dan Kusta atau BIPB;

5.1.5 BIPB ini tidak layak dibayar kepada pegawai kumpulan akademik.

6. Pengesahan Penyelia dan Kelulusan Ketua Jabatan

6.1 Penyelia perlu mengesahkan bahawa anggota paramedik yang berada di bawah seliaannya memilikijik sijil pos basik atau diploma lanjutan dalam bidang yang telah diluluskan pembayaran BIPB. Penyelia juga perlu mengesahkan sama ada anggota paramedik tersebut menggunakan atau tidak menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang dimiliki pada tahap yang ditetapkan dalam menjalankan tugas.

6.2 Pembayaran BIPB kepada anggota paramedik yang telah disahkan menggunakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang dimiliki pada tahap yang ditetapkan dalam menjalankan tugas oleh penyelia masing-masing adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Pengesahan penyelia dan kelulusan Ketua Jabatan ini perlu dibuat dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran B**.

6.3 Anggota paramedik yang bertukar ke jabatan/ wad/ klinik/ unit lain perlu diberhentikan pembayaran BIPB sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat pembayaran BIPB selepas pertukaran. Sekiranya anggota paramedik didapati masih memnuhi syarat-syarat pembayaran BIPB selepas pertukaran tersebut, pembayaran BIPB boleh diteruskan tanpa perlu pengesahan dan kelulusan semula oleh penyelia dan Ketua Jabatan.

7. Pemberhentian Bayaran Insentif Pos Basik

7.1 Pembayaran BIPB mestilah dihentikan sekiranya anggota paramedik tidak memenuhi syarat-syarat pembayaran BIPB yang telah ditetapkan di perenggan 5 dan perenggan 6 di atas.

- 7.2 Penyelia dan Ketua Jabatan perlu membuat perakuan dan kelulusan pemberhentian BIPB dengan menggunakan borang di **Lampiran C**.
- 7.3 Pembayaran BIPB juga mestilah diberhentikan mengikut tempoh cuti bagi anggota paramedik yang mengambil:
- 7.1.1 Cuti Tanpa Gaji;
 - 7.1.2 Cuti Separuh Gaji;
 - 7.1.3 Cuti Belajar Bergaji Penuh (melebihi tiga bulan);
 - 7.1.4 Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
 - 7.1.5 Cuti selain daripada Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
 - 7.1.6 Kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am; dan
 - 7.1.7 Menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang melebihi 92 hari berturut-turut.

8. Pembayaran BIPB Secara *Proportionate*

- 8.1 BIPB dibayar secara *proportionate* dalam keadaan di mana tempoh perkhidmatan/ penempatan anggota paramedik tidak genap satu bulan kalendar iaitu:

$$\frac{\text{Bilangan hari bekerja}}{\text{Bilangan hari dalam bulan tersebut}} \times \text{Kadar sebulan}$$

TARIKH KUAT KUASA

9. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 23 Februari 2024.

LAMPIRAN A

**BIDANG-BIDANG POS BASIK/ DIPLOMA LANJUTAN YANG TELAH
DILULUSKAN PEMBAYARAN BAYARAN INSENTIF POS BASIK**

BIL.	BIDANG POS BASIK/ DIPLOMA LANJUTAN
1.	Kebidanan
2.	Kejururawatan Kesihatan Awam
3.	Perawatan Neonat
4.	Perawatan Pediatrik
5.	Anestesia
6.	Kecemasan (<i>Advance Emergency Medical & Trauma Care</i>)
7.	Perawatan Perianestesia
8.	Perawatan Otorinolaringologi
9.	Perawatan Gerontologi
10.	Perawatan Koronari
11.	Perawatan Oftalmik
12.	Perawatan Onkologi
13.	Perawatan Ortopedik
14.	Perawatan Perioperatif
15.	Perawatan Psikiatri
16.	Perawatan Rapi
17.	Perawatan Renal
18.	Perawatan Neurosains
19.	Sitology
20.	Transfusi Perubatan/ Transfusi Darah
21.	Hemostasis/ Hematologi
22.	<i>Muskulo-Skeletal</i>
23.	Tomografi Berkomputer
24.	Pembedahan Mulut (Maksilofasial)
25.	Perawatan Ortodontik
26.	Perawatan Periondontik
27.	Pengurusan Diabetes
28.	<i>Gastrointestinal Endoscopy</i>

BIL.	BIDANG POS BASIK/ DIPLOMA LANJUTAN
29.	Forensik
30.	Penjagaan Kesihatan Primer
31.	Perawatan Rehabilitasi
32.	Perubatan Sukan
33.	Kawalan Infeksi
34.	Kaunseling HIV/ Aids
35.	Mikrobiologi
36.	Pengimejan Payudara
37.	Pergigian Paediatrik